



## Ujian Qur'an Seluruh Singapura

Ujian membaca Qur'an peringkat akhir bagi seluruh Singapura – anjuran Majlis Penasihat Islam - telah berlangsung dengan jayanya pada malam Ahad, 11 haribulan Ramaḍān 1380, bersamaan dengan 25 Februari 1961 yang lalu, untuk memilih calon-calon yang mewakili Singapura ke Majlis Ujian Qur'an Bahagian Internasional yang akan berlangsung di Persekutuan Tanah Melayu.

Majlis yang permai dan bersejarah itu, telah diadakan di Stadium Jalan Besar dengan dihadiri oleh Paduka Yang Mulia Yang Dipertuan Negara dan isteri serta dif-dif yang kehormat dari cerdik pandai Islam dan ketua-ketua agama yang bukan Islam dari berbagai-bagai agama di Singapura.

Majlis telah dibuka oleh Encik Ahmad Berahim, Peguam Agung, mempersilakan Yang Dipertuan Negara memberi ucapan.

Dalam ucapannya, Paduka yang Mulia, telah menyatakan harapannya mudah-mudahan ujian Qur'an ini akan membanyakkan lagi qari-qari dan qariah-qariah yang mahir, dan akan banyak pula alim ulama dan hal-hal<sup>1</sup> agama yang akan menyebarkan isi pengajaran al-Qur'an al-Karim kepada masyarakat Muslimin untuk menjadi panduan hidup yang membawa kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

Johan seluruh Singapura bahagian lelaki ialah

Syed Sidek bin Ismail, dan naib johan ialah

Mustafa Haji Ahmad. Keduanya akan mewakili

Singapura ke Persekutuan Tanah Melayu.

Yang ketiga ialah Abdul Rahman Idris.

Manakala johan seluruh Singapura bahagian perempuan ialah Aisyah binti Haji Ahmad (bin Haji Abdul Latif al-Malakuwi). Naib Johan pula ialah Hamidah binti Haji Fadlullah Suhaimi. Dan yang ketiga ialah Cik Maryam binti Janid.

Johan lelaki telah mendapat piala besar yang dihadiahkan oleh Paduka Yang Mulia Yang Dipertuan Negara, manakala johan perempuan telah mendapat piala besar yang dihadiahkan oleh Nur Aisyah, isteri Yang Dipertuan Negara.

Kedua-dua piala besar, dengan kemurahan hati Paduka Yang Mulia dan isteri, tidak dijadikan rebutan untuk tahun-tahun yang akan datang tetapi telah diberikan terus kepada johan-johan yang berjaya itu.

Johan dan naib johan bahagian perempuan telah menerima dua bentuk cincin emas, hadiah daripada Dato Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff – Yang Dipertua Majlis Penasihat Islam Singapura.

Manakala pemenang perempuan yang ketiga telah mendapat sebarang cincin emas yang dihadiahkan oleh Majlis Penasihat Islam.

Demikian juga tiap-tiap seorang pemenang mendapat sijil.

Pengadil-pengadil ialah Tuan Haji Hasan bin Ismail (Shaykh al-Maqāra'i) Johor, Cikgu Muhammad Zain bin Abdul dari Jabatan Agama Johor, dan Tuan Lebai Sulaiman bin Jais, imam masjid Teluk Belanga Singapura.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya ialah ahli-ahli